

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCvC-1958-10/2020

Dalam Perkara Mengenai suatu litigasi Kepentingan Awam yang dibawa oleh Syed Iskandar Bin Syed Jaafar (No. K/P: 670329-03-5819)

Dan

Dalam Perkara Mengenai Perkara-Perkara 40 dan 150 Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Mengenai Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Dan

Dalam Perkara Mengenai Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

Syed Iskandar bin Syed Jaafar
(No. 670329-03-5819)

...PLAINTIF

DAN

Kerajaan Malaysia

...DEFENDAN

DAN

Ridha Abdah bin Subri
(No. K/P: 830717-14-6131)

*[membawa tindakan dalam kapasiti sebagai
Setiausaha Agung, serta untuk dan bagi pihak
**PERSATUAN PEGUAM-PEGUAM MUSLIM
MALAYSIA (PPMM)]***

...PENCELAH DICADANGKAN

NOTIS PERMOHONAN

(permohonan untuk kebenaran mencelah)

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim / Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar dalam kamar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada haribulan 2020 pada pukul pagi / petang untuk mendengarkan permohonan oleh Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas, bersandarkan antara lainnya Aturan 15 Kaedah 6(2)(b)(i)(ii) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan/atau bidangkuasa Mahkamah sedia ada untuk Perintah-Perintah berikut:-

1. Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas diberi kebenaran untuk mencelah di dalam perkara Saman Pemula ini;
 2. Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas dijadikan dan dinamakan sebagai pihak seperti berikut:-
 - (a) ‘Pencelah’ sahaja;
 - (b) jika (a) diputuskan tidak memenuhi keperluan perundangan dalam penamaan pihak pencelah, sebagai ‘Defendant Kedua’; atau
 - (c) mana-mana turutan Defendant yang bersesuaian,
- di dalam Saman Pemula ini.
3. Plaintiff dan Defendant adalah dibenarkan untuk meminda Saman Pemula dan Afidavit Sokongan serta Afidavit Jawapan dan/atau memfailkan kertas-kertas kausa tambahan lain dalam Saman Pemula ini (jika perlu) dan menyerahkan sesalinan kertas kausa kepada Pencelah Dicadangkan dengan menyatakan kesnya berkenaan dengan Pencelah Dicadangkan.
 4. Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas dibenarkan untuk memfailkan Afidavit Jawapan dan/atau kertas kausa lain dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh perintah Mahkamah membenarkan pencelahan ini dan/atau suatu tarikh lain yang diarahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini.
 5. Huraian awalan (*‘intitulement’*) dan pihak-pihak dalam tajuk kausa tindakan ini adalah dipinda menurut Perenggan (1) dan (2) Perintah ini.
 6. Atas isu kepentingan awam, tiada perintah mengenai kos.
 7. Mana-mana perintah lain yang difikirkan adil, wajar dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Sebab-sebab dan Alasan-alasan Permohonan ini secara ringkas adalah seperti berikut:-

- a. Pencelah Dicadangkan ialah Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 18.03.1988 dan didaftarkan mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966, dengan matlamat

dan tujuan khusus untuk membantu dan menjaga kepentingan ahli-ahli yang kebanyakannya terdiri dari kalangan Peguambela dan Peguamcara yang berguam di Mahkamah, di samping memelihara kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

- b. Pencelah dicadangkan mendapat makluman daripada liputan media massa berkenaan tindakan Plaintiff memulakan prosiding saman pemula terhadap Defendan, yang intipatinya menyentuh persoalan undang-undang Perlembagaan mengenai kedudukan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 40 dan 150 Perlembagaan Persekutuan, selain turut membangkitkan persoalan kuasa Parlimen dalam hal mengenai membuat undang-undang, termasuk pindaan Perlembagaan.
- c. Permohonan-permohonan yang dipohon oleh Plaintiff dalam Saman Pemulanya menyentuh secara langsung mengenai prinsip pemisahan kuasa antara eksekutif, legislatif dan kehakiman, yang mana uniknya di Malaysia, KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga berfungsi sebagai salah satu cabang tunjang bagi semak dan imbang di dalam konsep pemisahan kuasa di Malaysia. Justeru, sebagai pertubuhan yang dianggotai oleh pengamal undang-undang serta terlibat langsung dalam proses keadilan di negara ini, termasuk menasihati pelbagai entiti Majlis-Majlis Agama di beberapa negeri, maka PPMM mempunyai kepentingan sah undang-undang (*legal interest*) untuk menjadi pihak di dalam tindakan ini.
- d. Plaintiff telah memilih untuk tidak menamakan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mahupun, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, yang mengeluarkan kenyataan media bagi pihak Istana, pada 25.10.2020 berhubung dengan titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menolak Nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri bagi tujuan pengisytiharan Darurat Kesihatan, maka pada hakikatnya Kerusi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau wakilnya, tidak berhak terlibat dalam pendengaran secara terus berkaitan perkara ini di Mahkamah Yang Mulia ini. Walhal Defendan yang dinamakan adalah Kerajaan Malaysia yang seperti lazimnya melibatkan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, iaitu pihak sama yang telah menasihati KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apabila mereka menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 23 Oktober 2020 bagi tujuan perolehan pengisytiharan Darurat Kesihatan, maka pada hakikatnya pihak Defendan mempunyai kepentingan untuk menyokong tindakan yang difailkan oleh Plaintiff. Defendan sebagai Kerajaan Malaysia, akan diwakili oleh pejabat Peguam Negara, yang pada hakikatnya seperti yang dilaporkan, Peguam Negara Tan

Sri Idrus Harun telah turut bersama dengan rombongan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong pada 23 Oktober 2020 tersebut, maka Pejabat Peguam Negara adalah dalam keadaan berterbungkuhan penting untuk secara khusus menyampaikan bantahan tindakan ini dan/atau menyokong keputusan titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

- e. PPMM seperti mana yang telah diperincikan latar belakangnya, berhak, antara lain, untuk diberi kedudukan sebagai pencelahan seperti yang dipohon di sini bagi tujuan menentukan, demi proses keadilan asasi (*natural justice*) untuk menyampaikan keterangan dan/atau hujahan bagi tujuan menyokong keputusan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong tersebut.
- f. Justeru adalah mustahak permohonan pencelahan ini dibenarkan, bagi mengelakkan suatu situasi di mana PPMM selaku Pencelahan dicadangkan terpaksa terikat dengan sebarang Perintah dan/atau Penghakiman yang diperolehi oleh Plaintiff (jika dibenarkan oleh Mahkamah) terhadap Defendan tanpa sebarang peluang diberi kepada PPMM untuk menyuarakan hujah dan pendiriannya mengenai tafsiran-tafsiran yang berkaitan mengenai Perlembagaan Persekutuan.

Bertarikh pada

haribulan

2020



Tetuan Amelda Fuad Abi & Aidil
Peguamcara bagi Pencelahan Dicadangkan

.....
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Notis Permohonan ini disokong oleh Afidavit Sokongan Bakal Pencelahan yang diikrarkan oleh RIDHA ABDAH BIN SUBRI pada 04/11/2020.

- Kepada:
- (1) Plaintiff dan/atau Peguamcaranya,
Tetuan R Kengadharan & Co
Peguambela & Peguamcara
No.15, 2nd Floor, Jalan SS 2/55,
47300 Petaling Jaya, Selangor.
 - (2) Defendan dan/atau peguamcaranya,
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

NOTIS PERMOHONAN ini difailkan oleh Tetuan Amelda Fuad Abi & Aidil, peguamcara Pencelah Dicadangkan yang dinamakan, dengan alamat penyampaian di 33-2, The Core, Jalan Teknologi 3/6B, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Tel: 03-61489604 Faks: 03-61489605 [Ruj: AFAA/20/Lit/436/AM(AK)]